


[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]



Khairy Jamaluddin (tengah) merasmikan 1Belia 1Kemahiran (1B1K) pada majlis Konvokesyen Ke-4 1Belia 1Kemahiran sambil diperhatikan, Prof Daing Nasir (kiri) dan Mua'amar Ghadafi (kanan) di Putrajaya, semalam.

TVET tingkat martabat belia

Berita Harian
Rabu, 11 Mei 2016

→ Graduan teknikal, vokasional bukan lagi kelas kedua

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Masyarakat perlu menukar pandangan mereka terhadap pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang sering dianggap sebagai pendidikan kelas kedua bagi belia bermasalah atau tercicir dari segi akademik.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata, usaha kerajaan memartabatkan TVET sejak beberapa tahun lalu, berjaya mengubah tanggapan masyarakat yang kini turut melihatnya sebagai laluan kerjaya yang menjamin masa depan.

Beliau berkata, graduan TVET kini mendapat sambutan dalam kalangan penggerak industri yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan selepas tamat pengajian.

Lahir graduan bermutu

"Malah, kerajaan sudah menggariskan beberapa lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi 2015-2025, yang memberi keutamaan dalam melahirkan graduan TVET bermutu tinggi dan beliau yang mampu menyumbang kepada negara," ka-

Fakta nombor

500
GRADUAN
program 1B1K

4,976
JUMLAH
peserta program
1B1K MBM

tanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen 1Belia 1Kemahiran (1B1K) Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Pelancaran Program 1B1K-Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kompeten-TVET Berasaskan Pembelajaran Sepanjang Hayat, di sini semalam.

500 graduan terima sijil

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Lokman Ali; Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Presiden MBM, Mua'amar Ghadafi Jamal Jamaludin.

Pada majlis berkenaan Khairy menyampaikan sijil dan diploma kepada 500 graduan 1B1K dari 14 institusi latihan kemahiran di seluruh negara yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai kursus TVET.